

14 NOV 1998

APEC-BERITA-PAMERAN/I

CHILE DAN MALAYSIAN SHEET GLASS MENANG HADIAH DI PAMERAN PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Chile dan pengeluar kaca tempatan, Malaysian Sheet Glass Bhd (MSG) telah memenangi Hadiah Rekabentuk Gerai Terbaik di Pameran Perdagangan Antarabangsa Ketiga Apec '98.

Gerai Chile, yang mempamerkan tarikan pelancong, kelengkapan perindustrian dan perlombongan, makanan laut beku segar dan juga wain, dihakimi sebagai pemenang Kategori Astaka Antarabangsa.

MSG, syarikat usaha sama Malaysia-Jepun, yang ditubuhkan pada 1971, yang mengeluarkan pelbagai jenis keluaran kaca bermutu tinggi memenangi Kategori Syarikat Individu.

Pameran empat hari itu sehingga Isnin diadakan sempena Sidang Kemuncak Ketua Negara Apec yang Malaysia menjadi tuan rumah. Sejumlah 350 syarikat daripada 21 ekonomi anggota Apec menyertai di dalam pameran itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengurus Promosi Perdagangan Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) Wan Latif Wan Musa.

Wakil gerai Chile Patricia Matta dan wakil MSG Ea Siong Lin menerima hadiah-hadiah berkenaan.

Wan Latif berkata jenis-jenis bahan yang digunakan untuk reka bentuk dan warna gerai-gerai itu adalah kriteria bagi pemilihan.

"Produk-produk mungkin mudah tetapi pameran itu berkesan dan menarik," tambahnya.

-- BERNAMA

HS TS OS